

**INTELEK DALAM MENGENAL TUHAN**  
*(The Function of Human Intellect in Knowing God)*

*Baharudin Ahmad*  
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan  
(ASWARA)  
(baharudin@aswara.edu.my)

**ABSTRAK**

*Even though God cannot be known as He is in Himself, He can be known to the extent that He allows man to know Him. God can be known through His messages and through the human faculty of intellect. This has been described by many Sufi saints of the past and men of art and literature. This paper discusses the human intellectual aspects in the fields of art and literature among Muslim saints and Sufis, especially in the 12 and 13 centuries through the works of Mawlana Jalaluddin Rumi, ibn Sina and others who have conveyed the message of love, beauty and the function of the arts in conveying the intellectual messages of human relationship with God, human vision and his yearning for truth, reality and sagacity in searching for the meaning of creation, human destiny and spiritual satisfaction for which he is created to be who he is.*

*This paper will include various expressions made by the Sufi saints of the past as well as quotes from contemporary scholars who are specializing in the fields of Sufism, Islamic and Sufi Literature, Islamic Art and other related fields of knowledge. Special attention is given to literature and literary works of the above mentioned figures as the representatives of the art expressions in Islamic tradition. Comparison will also be made with intellectuals of other religious traditions in the past in order to clarify the universal aspect of knowledge especially the inner dimension of knowledge in the arts of literature and its relationships with spirituality.*

**KEY WORDS:** *Intellect; Islamic Art; Spirituality; Sufi-saints; Art and its function.*

## **INTELEK DALAM MENGENALI TUHAN**

Di dalam bidang kesenian amnya fakulti yang dianggap terlibat bagi menghasilkan karya seni terutamanya karya kesenian yang bercirikan keagamaan ialah fakulti 'intelekt' dan bukannya 'minda'. Minda adalah fakulti yang umumnya digunakan bagi menghasilkan pemikiran falsafah dan bidang yang berkaitan dengan dialektik termasuklah doktrin dan struktur kajian sedangkan intelek adalah fakulti yang melibatkan lebih dari itu dan berkaitan rapat dengan ilham, emosi, khayalan dan imaginasi.

Fakulti intelek berkaitan dengan apa yang dikenali dalam pemikiran Islam sebagai fakulti yang menimbulkan imaginasi dan ilham sepertimana yang terkandung di dalam karya-karya Ibn Sina, Ibn 'Arabi, ibn Ata'Allah al-Iskandari, Shabistari dan lain-lain tokoh pemikir Sufi dan spiritual. Fakulti ini melibatkan keseluruhan diri seseorang manusia malah mengatasi akal fikiran yang menghasilkan doktrin-doktrin yang bersifat dialektikal yang berasaskan perbincangan, membezakan satu aspek jumpaan dengan aspek yang lain yang umumnya terkandung di dalam bidang pemikiran yang membina sesebuah doktrin yang bukan puitis, tidak berasaskan seni dan simbol-simbol yang mengandungi isyarat-isyarat transformasi diri dari satu tahap pencapaian kepada tahap pencapaian yang lain. Sebaliknya fakulti intelek berbicara dalam bahasa kiasan, simbol, imejan, misalan dan contoh-contoh yang tidak terus menerus bersifat literal atau harafi. Secara ringkas seseorang pembaca atau penilai seharusnya juga seorang yang mampu mengalami apa yang dinyatakan oleh pereka, penulis ataupun pencipta.

Tradisi intelek berkait rapat dengan tradisi ilmu yang dinamakan ilmu huduri atau 'knowledge by presence' yang diamalkan di dalam tradisi keruhanian, spiritual, atau keagamaan yang lebih bercirikan pengalaman diri dalaman dan terkandung di dalam sebahagian besar karya-karya para pemikir yang dinyatakan di atas tadi. Tradisi intelek ini umumnya lebih popular di zaman lampau iaitu di dalam masyarakat yang boleh dianggap klasikal, tradisional dan lama. Tradisi intelek ini disalurkan ke dalam banyak bidang kesenian termasuklah kesusasteraan di dalam berbagai genrenya terutamanya puisi disebabkan puisi lebih mampu mendekati perasaan dan imaginasi dalaman diri manusia.

Pendekatan yang mementingkan intelek dan hikmah apabila menilai seni tentunya berbeza dengan pendekatan yang mendekati kesenian melalui hukum sahaja, sebuah hadis sahaja atau melalui akal zahir yang mementingkan rasional, saintifik dan pemikiran semasa. Rata-rata hukum yang diberikan kepentingan utama. Hukum bermain alat muzik, tarian,

drama dan persembahan kesenian tradisiuonal. Apabila mementingkan hukum maka nilai-nilai estetika, keindahan dan apa yang dikatakan ‘kehadiran’ tidak diberikan pertimbangan yang wajar. Akibat dari ini ialah kesalah fahaman dan juga kegagalan memdalami aspek-aspek intelektual di dalam pemikiran kesenian tradisional di dalam berbagai genrenya.

Ketetapan yang dibuat oleh al-Ghazali sudah memadai dengan menyatakan bahawa seni itu hukumnya ‘mubah’ dan bergantung kepada isinya, tempat dipermainkan, orang yang hadir, serta tujuannya. Ini memberi ruang kepada nilai-nilai intelektual dihidupkan semula di dalam memberi pertimbangan kepada genre-genre tradisional di dalam mendekati Tuhan dan menyatakan tentang kejadiannya. Dengan yang demikian genre-genre tradisional itu perlu dinilai semula melalui perpektif pemikiran, falsafah seni. Matlamat dan tujuan serta had-hadnya bergantung kepada kefahaman anggota masyarakat yang menontonnya.

Jika kita lihat tradisi kesenian dalam sejarah pemikiran Islam maka tradisi yang dinamakan ‘hikmah’ mendapat tempat yang khusus. Ibn. Sina menamakan tradisi ini sebagai ‘tradisi Timur’ dan juga ‘Hikmat’. Tajuk karyanya ialah ‘Hikmat al- Mashriqiyyah’ yang berbeza dengan tradisi pemikiran Barat Aristotle dan falsafah Greek. Demikian juga Ibn ‘Arabi yang menulis ‘Fusus al-Hikam’ atau Tepak Hikmah dan Suhrawardi dengan aliran pemikiran Hikmah al-Ishraq serta Mulla Sadra yang menjadi pengasas utama falsafah Hikmat al-Mutaaliyyah’ atau Hikmah Tertinggi di mana kesemua mereka memberikan satu kedudukan utama kepada Hikmah. Ibn. ‘Ataillah al-Iskandari dan Ibn. Massarah menamakan karya masing-masing sebagai ‘Kitab al-Hikam’ yang paling terkenal di Alam Melayu keseluruhannya.

Kegagalan melihat kesenian dari sudut pandangan ‘hikmah’, ‘visionari’ dan ‘intelektual’ menjadikan banyak kesenian di negara-negara dan sejarah seni dunia Islam disalah fahami. Jika kita tidak menimbulkan tentang kaedah, skop dan teknik menilai karya-karya kesenian Islam, Melayu dan masyarakat beragama maka masing-masing akan ditinggalkan sepertimana yang berlaku sekarang ini yang memunculkan banyak tafsiran yang janggal dan menganggap kajian kesenian lampau harus dinilai sama ada dari segi hukum serta pengertian sosiologi, psikologi and antropologi sedangkan bidang-bidang ilmu ini telah terpenjara dengan fahaman-fahaman sekular moden dan logik sains.

Konsep-konsep utama di dalam kesenian tradisi dinilai dari segi keilmuan baru yang melihat aspek kemasyarakatan dan geografi daerah-daerah sahaja serta cara masing-masing

dipersembahkan tanpa mendalami dari segi isi, mithalan yang dibawa, alam yang dibincangkan di sana dan aspek kesan kepada audien. Akibatnya:

1. Kesalah fahaman pengkajian terhadap kesenian tradisi
2. Tidak memberi penekanan kepada aspek isi dan falsafah di dalamnya
3. Tidak mengaitkan kesenian dengan agama
4. Menggencatkan fahaman tentang kesenian.

Inilah yang berlaku di dalam kebanyakan kajian tentang kesenian termasuklah kesenian Melayu yang menjadi kajian para sarjana Barat dan Timur.

Apa yang disebutkan sebagai tradisi intelektual itu sangat berkaitan dengan agama dan ajaran serta nilai-nilai agama. Sastera itu ialah penjelasan kepada sutera dan sutera adalah penjelasan kepada agama. Dalam erti kata lain tidak ada pemisahan di antara satu dengan yang lain melainkan peringkat yang berbeza dan manifestasi seni yang berbeza. Di sini kita memberi satu kupasan kepada tradisi bahasa dan sastera timur.

### **Bahasa Simbolis dan Perlambangan Spiritual Dalam Kesenian Tradisional**

Simbol dan bahasa simbolis mengambil tempat apabila bahasa biasa gagal mengucapkan aspek-aspek kewujudan yang melampaui kenyataan alam benda dan bentuk yang dapat difahami akal zahir. Dengan yang demikian bahasa simbolis digunakan masyarakat tradisi Timur dan Barat dengan mengemukakan lambang-lambang yang dapat mewakili sesuatu kenyataan alam spiritual yang bagi masyarakat tradisional itu menjadi asas kepada kemunculan alam benda dan bentuk. Kertas kerja ini akan membincangkan dengan mengemukakan contoh-contoh tradisi penulisan dan tradisi wayang (bayang) yang dapat membantu memperjelaskan apa yang dimaksudkan dengan bahasa simbolis dan perlambangan spiritual di dalam karya tradisional. Perbincangan ini berlatar belakangkan kosmologi tradisi yang berbeza dengan kosmologi moden dan memaparkan makna-makna yang berlainan daripada makna-makna di dalam pemahaman terhadap seni dan bentuknya seperti yang biasa dikemukakan oleh pengkaji yang mirip mendekati kesenian tradisi itu dari kacamata moden, saintifik dan sekular.

Doktrin dan pemikiran tradisi Barat dan Timur di dalam beberapa genre kesenian yang dipilih menjadi bahan perbincangan utama kertas kerja ini dan diikuti pula dengan penjelasan yang mengambil kira cara dan kaedah pemikiran masyarakat beragama dan

spiritual di dalam pemikiran manusia zaman tradisional itu. Adalah menjadi tujuan utama kertas kerja ini untuk memaparkan kejanggalan dan kemelesetan fahaman-fahaman moden di dalam memahami pemikiran masyarakat tradisional yang dikemukakan mereka melalui karya sastera dan teater serta genre-genre cabangan kepada kedua-dua genre tersebut selain apa yang terkandung di dalam lukisan, kesenian reka bentuk yang berbagai, seni tarian, dan genre-genre kesenian tradisional yang lain. Pendekatan yang caragaya pemahaman ini umumnya masih belum mendapat perhatian peminat dan sarjana kesenian masa kini di dalam memahami kesenian tradisional dan dengan itu ia perlu diketengahkan.

Di peringkat ini kita akan membicarakan serba sedikit tentang perbezaan pendekatan di antara caragaya masyarakat tradisional menggunakan bahasa dan penceritaan dengan caragaya moden memahami bahasa dan penceritaan. Demikian juga dengan perlambangan di dalam penggunaan masyarakat tradisional dengan masyarakat moden. Pada umumnya bahasa dan cerita masyarakat tradisional berprinsipkan hiraki yang vertikal di dalam makna-makna yang dimaksudkan sedangkan pendekatan moden memberi tumpuan kepada makna yang horizontal atau mendatar atau harafi. Di dalam penceritaan tradisional unsur-unsur alam yang berbagai-bagai dan latar ruang dan waktu yang berlapis-lapis perlu dijadikan tumpuan supaya cerita menjadi bermakna dan mencapai tujuan penceritaan.

Cerita dan bahasa tradisional ini juga merupakan cerita dan bahasa warisan. Bahasa yang lama dan mengandungi kosmologi zaman lampau masih diwarisi sehingga ke zaman ini dan penceritaan yang mudah tetapi mempunyai makna-makna yang simbolis masih boleh difahami apabila kita mendalami aspek-aspek dan pemikiran keruhanian yang terdapat di dalam bahasa dan cerita tersebut. Adalah penting diberi penekanan bahawa bahasa dan cerita yang bersifat simbolis ini juga berkaitan rapat dengan caragaya 'world view' atau pandangan alam keagamaan di mana tafsiran tafsiran yang membawa makna dari alam yang dekat melewati alam pertengahan dan berakhir dengan makna alam yang teratas iaitu alam keruhanian.

Pada umumnya pandangan yang memberi perhatian khusus kepada makna dalaman ini mula diperkenalkan kepada masyarakat Barat oleh Rene Guenon atau Shaykh Abdul Wahid Yahaya pada awal tahun 1920 dengan beberapa buah buku seperti *The Crisis of the Modern World*, *Language of the Self*, dan *The Multiple States of the Being*. Guenon menyatakan kepada masyarakat Barat moden iaitu para pengkaji masyarakat Barat moden bahawa cara pendekatan moden di dalam mendekati pemikiran di dalam ekspresi budaya dan

sastera adalah lemah dan salah sama sekali. Bagi Guenon pendekatan moden berada di dalam krisis kejahilan dan kesalah fahaman. Beliau juga mengkritik sains moden yang dianggap terhad, melampau dan terlalu ego. Pendekatan Guenon ini kemudiannya dikongsi bersama oleh pemikir India, Ananda Coomaraswamy, seorang tokoh geologi dan kemudiannya bertukar ke bidang falsafah tradisi dan menulis banyak buku seperti *The Oriental and Chriatians Philosophy of Arts*, *The Bugbear of Literacy*, *What is Civilization?* dan sebagainya. Di antara tokoh-tokoh utama pendekatan 'Traditional' ini ialah Frithjof Schuon, Seyyed Hossein Nasr, Huston Smith, Martin Lings, William Chittick dan beberapa orang tokoh fizik and astronomi yang bersama yang awal tadi melihat kecurangan pendekatan moden menilai dan mengkaji pandangan hidup tradisional.

Pandangan hidup tradisional itu kita lihat bersesuaian dengan caragaya kita menilai semula kesusasteraan dan budaya serta penceritaan dan bahasa masyarakat sebelum moden yang cuba mengetengahkan satu bentuk kosmologi di mana ruang, masa, nilai dan makna berpusat kepada struktur pemikiran yang mirip mendekati pendekatan keagamaan di dalam mengisahkan perihal manusia, kejadian manusia, alam soiritual dan ketuhanan, alam kejadian dan keperluan manusia untuk memahaminya bagi mencapai satu maksud yang dekat dengan ciri dan sifat manusia yang asal atau yang dinyatakan oleh kitab-kitab suci. Tokoh-tokoh di atas tadi itu juga membicarakan masalah ilmu pengetahuan moden di dalam mendekati sains, alam, kosmologi, sastera suci, cerita rakyat dan sebagainya. Di sini kita cuba memahami beberapa contoh dengan mengenakan pendekatan tersebut di dalam memahami cerita rakyat, rituals bahasa dan daerah semantik bahasa mengikut kehendak pendekatan yang tradisional itu..

Pendekatan-pendekatan moden menganggap secara umumnya bahawa bahasa, pengucapan kesenian, bentuk ritual dan makna jampi mentera itu boleh diketahui hanya dengan fahaman yang dibentuk di dalam bidang-bidang ilmu moden yang membicarakan persoalan tersebut. Sikap saling mengambil lewa dan acuh tidak acuh menjadikan pengucapan kesenian dan makna bahasa dikupas secara horizontal, mendatar, menyenyuh lapisan kulit dengan pendekatan yang lapuk hasil ciptaan abad ke 20 dan ke 19. Akibatnya para sarjana tidak memberi tumpuan kepada nilai-nilai spiritual, bentuk-bentuk kesenian yang berkait rapat dengan pengucapan keagamaan di mana lambang, imageri, watak, latar, plot serta tujuan dan maksud mempunyai fungsi yang berbeza bagi mencapai matlamat yang berbeza pula. Haiku misalnya dibentuk supaya dapat memberi kejutan kepada lapisan-lapisan kesedaran (levels of consciousness) bukannya makna di dalam patah perkataan yang

dikandunginya. Demikian juga dengan permainan logik di dalam cerita-cerita Mulla Nasruddin, badut Kesusasteraan Parsi dan Abu Nuwas di dalam Kesusasteraan Arab.

Umumnya para pengkaji yang menyelidiki berbagai bentuk kesenian lama memandang rendah kepada kedalaman fahaman dan pengalaman seni yang terkandung di dalam berbagai bentuk pengucapan kesenian tradisional itu. Ritual tentang kehidupan dan kematian, adat menghantar roh, seni bunyi dan tampak, seni taman dan perancangan bandar perlu dinilkai dan diberi makna-makna yang berkaitan dengan spiritualiti dan agama supaya tujuan asal bentuk dan tujuan kesenian tersebut boleh difahami seperti yang sewajarnya. Para pengkaji yang menilai kesenian tradisi melalui kaca mata moden, objektif dan saintifik akan gagal mencapai maksud kesenian tradisi tersebut.

Salah satu contoh yang jelas ialah pengkajian yang dilakukan ke atas candi-candi di Jawa. Di Candi Brahu, Jogjakarta para pengkaji mendapati satu macam sinkronisma di mana dikatakan agama Hindu itu dicampur adukkan dengan agama Buddha dan ini adalah akibat dari salah fahaman masyarakat tradisi di Jawa yang tidak tahu membezakan agama Hindu dan Buddha. Kedangkalan fahaman seperti ini lazim terkandung di dalam banyak penyelidikan terhadap objek-objek persepahan, senjata, kuil dan candi, hikayat dan puisi-puisi lama sehinggakan selagi bahan-bahan seni ini dapat memberikan kesan keindahan maka itu dianggap sudah memadai bagi pengkaji. Namun apa yang indah di mata tidak semestinya sampai ke hati. Keindahan bagi masyarakat tradisional ialah kesan hati bukannya kesan mata. Sebuah cerita yang sangat mudah bertujuan memberi pengajaran yang sangat mendalam dan menggambarkan lukisan kosmik tradisi yang sangat berasas dan berstruktur.

Sebagai contoh kita ambil kisah atau cerita ‘Batu Belah Batu Bertangkup’ yang sangat mendalam dari segi makna kosmik sehinggakan terdapat banyak persamaan dengan cerita-cerita atau konsep putaran matahari mengelilingi bumi dan pada satu masa ia berkedudukan paling rapat dengan bumi dan kemudian jauh semula. Pada saat tersebut bumi dikatakan mendatangi bumi dan membuka pintu kepada ruh untuk diangkat kea lam langit. Di kalangan masyarakat Jepun, Mexico, Stonehenge di England, Mesir dan banyak lagi termasuk golongan puak-puak dayak Amerika kisah masa dan ruang mendekati satu spera dari spera yang lain sering dinyatakan. Titik pada ufuk yang ‘membuka’ ruang di bumi dan ‘menutup’ ruang bumi berlaku dua kali sehari di waktu ini kuil-kuil dan rumah ibadah membunyiukan loceng tanda peluang terakhir siang menjadi malam dan malam menjadi siang. Saya ingin

melihat kisah 'Batu Belah Batu Bertangkup' dari aspek ini berbanding dengan pendekatan psikoanalisis.

Pendekatan yang sama juga harus digunakan apabila kita menilai legenda sejarah, cerita rakyat dan mitos. 'Jack and the Bean Stock' misalnya bukan sekadar cerita kanak-kanak untuk sekadar diperceritakan. Kisah Jack seorang anak kepada raja di kayangan yang kehilangan kekayaan dan kebesaran apabila jatuh ke bumi. Demikian juga dengan manusia yang jatuh ke bumi dari langit syurga. Di bumi manusia menjadi miskin dan kehilangan martabatnya sebagai manusia asal. Namun disebabkan manusia mempunyai fitrah dalamannya yang 'ikhlas' sebagai manusia maka ia akan kembali ke langit, membunuh 'sifat ganas' di dalam dirinya dan memenangi martabatnya kembali. Demikian juga dengan Jack yang kerana keikhlasannya menukar dua ekor lembu dengan benih (lihat simbol pohon digunakan di sini, iaitu pohon kejadian). Pohon kejadian itu mengembalikan Jack kepada asalnya iaitu benih dirinya di langit. Dia hidup di langit, membunuh raksaksa yang dulu membunuh ayahnya yang jatuh ke bumi dan memenangi kekayaan dan martabat di muka bumi. Diri dalaman manusia kemenangan dan diri lahir manusia ialah tebusan.

Semasa di Jogjakarta saya melihat bagaimana Bandar tersebut direka oleh Sultan Hamungkubono I sebagai 'bandar suci' Sempadan Bandar suci ini ialah di antara Gunung Merapi dengan Laut Selatan. Di antara Gunung Merapi dengan Laut Selatan terletak dua buah tugu yang melambangkan prinsip lelaki dan perempuan iaitu yang disebut sebagai 'lingga' dan 'yoni'. Kraton Jogja dibangunkan ke selatan Gunung Merapi sebelum sampai ke tugu 'lingga' dan selepas tugu 'lingga' bergaris lurus ke selatan terletak tugu 'yoni' dan selepas tugu 'yoni' letaknya Laut Selatan. Dalam erti kata lain Jogja adalah sebuah alam atau 'universe' yang berprinsipkan 'lelaki' dan 'perempuan'. Bermulanya ialah pencarian langit (gunung) akan bumi (laut). Apabila langit bertemu laut maka sebuah kerajaan terbentuk iaitu daratan atau pulau. Pulau terbentuk apabila ada pasak di bumi danb lautan di sekeliling. Lambing pulau juga memainkan peranan yang penting di dalam perlambangan tradisional. Bandingkan struktur Bandar Jogja dengan cara perubatan Bobohizan di Sabah. Di dalam upacara menghantar pulang roh atau mengubati penyakit, mayat atau pesakit dibawa dari rumah ke sebuah pondok ( bandingkan dengan the American Indian's lodge) dan dibacakan pujaan di situ sebelum mayat dihantar dengan perahu melalui sungai berserta dengan bomoh mengikuti perahu hingga sampai ke laut lepas di mana roh yang kecil bertemu semula dengan roh yang asal yang disimbolkan dengan lautan. Mantera di tepi laut jauh lebih meriuh-riuh

berbanding dengan di tepi sungai maksudnya penghantaran yang terakhir sebelum bertemu roh asal.

Sungai atau aliran sungai ialah sempadan. Di dalam *Mahayana* dan *Mahabhrata* India dipisahkan dengan Sri Langka dengan air atau laut. Rawana mencuri Sita Dewi dan melarikannya ke bumi yang lain atau bumi yang baru. Mendapatkan semula Sita Dewi ialah satu perjuangan. Rama kehilangan sebahagian dari dirinya sendiri apabila Sita Dewi dilarikan oleh watak jahat atau watak negative dan jatuh ke muka bumi. India sendiri diibaratkan langit. Burung Garuda menjadi kenderaan Rama mencari Sita. Burung secara sejagat merupakan simbol roh di dalam kebanyakan tradisi sastera dan penceritaan di mana-mana sahaja dan di dalam banyak kesusasteraan bangsa-bangsa manusia termasuk Parsi, Hindu, China, Melayu, Timur Tengah Dayak Amerika dan lain-lain. Musa dikisahkan di dalam Perjanjian Lama sebagai utusan langit ke bumi. Dia mendapat pencahayaan di atas gunung, merentasi laut untuk kembali ke bumi suci dan hidup di dalam istana Firaun sendiri iaitu benih di hidup semulajadi di alam yang direstui Tuhan dan dibawa bersama ke dalam bumi yang akan mengalami kejatuhan iaitu di bumi Firaun dan akhirnya di mana benih kebenaran kekal hidup walaupun tersdembunyi akan kembali ke buminya yang asal yang bebas dari dizalimi atau dikuasai oleh kezaliman. Musa sendiri menjalani proses pencerahan itu tetapi disebabkan dia mempercayai Tuhan malah utusan Tuhan maka dia selamat sedangkan Firaun yang bertuhankan dirinya sendiri tenggelam di alam pertengahan atau Laut Merah di dalam pengisahannya.

Firaun tidak dapat melepasi daerah kesesatan dan jiwanya tidak mampu mencapai bumi yang di sebelah sana iaitu bumi yang dijanjikan Tuhan sebagai bumi yang diredhaiNya. Bumi yang di sebelah sana ini merupakan bumi yang penting di dalam agama-agama utama manusia dan disebutkan berkali-kali oleh para penyair mistik Muslim dan bukan Muslim juga. Rumi menganggap ‘pencarian’ dan ‘perniagaan’ kaum Sufi adalah di bumi sebelah sana. Golongan Mahayana Buddha menyebutnya sebagai ‘paramita’ iaitu alam sebelah sana, di atas gunung, di lembah suci, di dalam gua dan di alam langit. Kesemua ini menunjukkan kepada kosmologi yang berlainan, yang vertical atau yang dalam diri manusia yang tidak sama dengan dimensi alam ini. Ibn. Sina juga menyebutnya sebagai Bukit Qaf di mana burung-burung terbang mencari Raja Burung (Simurgh). Demikian juga di dalam *al Mantiq al-tayr* karangan Fariduddin ‘Attar yang menceritakan burung-burung (ruh) mencari raja segala burung (Simurgh) atau gunung yang mencari laut lepas bebas di dalam kosmologi bandar Jogjakarta atau amalan mistik Bobohizan.

Di dalam bahasa-bahasa yang kaya dengan pemikiran dan mengambil kira asal-usul dan sebab mesabab kejadian manusia dan alam;, bahasa-bahasa yang asas yang menjadi ikutan pengucapan bahasa moden, terdapat sekumpulan istilah-istilah utama yang membayangkan secara simbolis tentang peri kejadian dan sebab musabab mengapa manusia menggunakan perlambangan bahasa bagi menyatakan rahsia di sebalik sebab musabab kejadian itu. Fikirkan bagaimana perkataan Inggeris '*charm*' yang berasal dari perkataan '*carmen*' di dalam Bahasa Latin yang berasal dari perkataan *carmina* di dalam Bahasa Greek (rangkap-rangkap suci) dan *karma* di dalam Bahasa Sanskrit saling berkaitan tetapi telah menjalani satu demi satu tahap kejatuhan makna sehinggakan unsur '*rites*' dan '*rituals*' berganti dengan '*spells*' dan '*magic*' yang mudah atau olok-olokan dan kehilangan makna yang asal yang melibatkan asal-usul sifat-sifat dalaman manusia dan nasib manusia di muka bumi.. Bahasa kudus atau bahasa suci adalah bahasa yang berkaitan dengan tahap tertinggi kesedaran dan nasib manusia, bahasa dewa-dewa (*vates; vata, words*) menjalani kejatuhan makna apabila jarak dan daerah masa menjalani kejatuhan iaitu apabila manusia sampai ke penghujung zaman atau akhir zaman yang sering dinyatakan sebagai Zaman Kegelapan (*kali yuga*).

Di dalam Bahasa Melayu perkataan 'nasib' menunjukkan hubungan dengan 'nasab' atau keturunan atau asal-usul dan 'nisbah' menunjukkan perhubungan di antara 'nasib' dengan apa yang menisbahkannya dengan ketentuan 'nasib' bermakna nasib itu adalah satu nisbah kepada ketentuan yang berkaitan dengan yang 'pre-ordained', 'tersurat', 'pre-determined', 'qada' 'karma' iaitu apa sudahpun ditulis di dalam Papan Nasib, Lawh Mahfuz, iaitu apa yang telah ditentukan sejak dari azali, di peringkat alam ruh. Dalam kata lain tayangan, bayangan, wayangan satu alam yang jatuh ke atas permukaan alam yang satu lagi. Demikian itu yang tertinggi memberi bayang kepada yang terendah. Pada zaman ini perkataan nasib itu hanya membayangkan apa yang berlaku seharian di dalam hal-hal seharian dan tidak berhubung dengan konsep masa, ruang, asal-usul, tingkat-tingkat kejadian dan sebagainya dan menghilangkan makna-makna keagamaan, spiritualiti dan falsafah takdir. Demikian juga dengan perkataan 'hadir' yang dulunya berkaitan dengan 'kehadiran psiki, badan dan ruh' yang kini menjadi kehadiran jasad tanpa kaitan dengan alam pertengahan dan alam tertinggi di dalam kerangka semantik makna-maknanya. Perkataan 'hadir' sepatutnya berkaitan dengan 'hadrat' atau 'presence' yang membayangkan tahap-tahap kehadiran dalam psiki manusia. Kita pernah mendengar 'kehadiran lima tingkat kejadian (the five divine

presences; al-hadarat al-khamsa) dalam ajaran Ibn. ‘Arabi. Kehadiran atau ‘hadir’ adalah berlapis-lapis samaada lima, tujuh atau sembilan dan sekurang-kurangnya tiga, tidak pernah satu sahaja.

Di sini juga kita boleh sebutkan perkataan ‘cinta’ yang berkaitan dengan ‘chitta’ atau kesedaran. Kesedaran atau ‘sudur’ iaitu satu rasa yang berkaitan dengan bahagian dada (tentunya hati, jantung) adalah daerah yang sangat dekat dengan ‘cinta’, ‘cita-cita’ ‘chit’ atau ‘consciousness’ seperti dalam ‘Sat-chit-Ananda’ iaitu “Being, Consciousness, Joy (Bliss)” yang semuanya berkaitan dan harus difahami dalam satu daerah semantik yang berhubung kait. ‘Cinta’ berhubung dengan ‘Satu’ ‘Kesedaran’ dan ‘Kasih’ iaitu ‘Kesedaran yang Satu’ (Sat), terputus dari yang banyak (multiple). Apabila diri mencapai ‘Sat’ atau ‘Satu’ maka timbul ‘Cinta’. Cinta ialah mengosongkan diri ke dalam ‘Yang Satu’ iaitu ‘Wujud’ atau ‘Being’ atau ‘Sat’. Dengan ini cinta juga berkaitan dengan daerah-daerah seni spirituality, consciousness atau kesedaran (sudur) iaitu juga yang menimbulkan perkataan ‘sudur’ satu lokasi ( ‘loka’ atau ‘locus’ yang rahsia dan terpencil sendiri bersama yang dicintai iaitu yang Haq. Kita boleh katakan di dalam daerahnya yang tersendiri yang tidak memerlukan daerah yang lain di dalam kewujudan. Apabila timbul cinta maka ia sekonyong-konyong masuk ke dalam satu daerah rahsia yang sangat sempurna di dalamnya iaitu sebuah syurga-loka, loka kesedaran (the locus of consciousness) yang menyatukan. Sebab itu daerah cinta ini berkait rapat dengan ‘Sat’ tadi dan menghasilkan ‘ananda’ ‘joy’, ‘bliss’ ‘openness’, ‘the vastness of the chest’, ‘relief’, satu keterbukaan kalbu. Mungkin saya tidak perlu terus membicarakan perkataan ‘kalbu’ kerana contoh-contoh di atas telahpun membuka jalan ke arah penerokaan daerah semantik perkataan ‘kalbu’ itu.

Di dalam pendekati makna –makna mengikut pendekatan tradisional beberapa prinsip penting harus diambil sebagai asas yang akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan bahasa, perlambangan, daerah makna, cerita asas dan jalan cerita, tujuan dan matlamat genre-genre kesenian seperti lukisan, drama, sastera, muzik, seni taman dan seni rekaan Bandar. Banyak contoh boleh dikemukakan dan contoh-contoh ini mewakili kesenian di Timur dan juga di Barat yang umumnya diasaskan perdasarkan pemikiran tradisional itu tadi dengan konsep masa ruang dan pergerakan penceritaan yang dikemukakan. Prinsi-prinsip utama yang perlu diberi perhatian ialah:

1. Hiraki alam
2. Hiraki makna

3. Matlamat cerita
4. Tujuan cerita
5. Wira dan kedudukannya di dalam kejadian alam.
6. Makna dalaman bahasa
7. Hubungan manusia dengan bahasa dan cerita atau bentuk serta persembahan seni.
8. Pengertian yang dimaksudkan pada asalnya melalui penceritaan, kata-kata dalam bahasa dan perlambangan.

Adalah penting diingatkan bahawa bahasa dan cerita serta reka bentuk kesenian tradisional berasaskan matlamat menyampaikan mesej dan mengandungi makna yang tersirat. Tidak ada unsur relatif yang absolut di mana makna yang akhir tidak mungkin dapat dinyatakan sepertimana fahaman ahli falsafah Barat seperti Hume, Kant dan para pemikir golongan Eksentialis dan Absurdis moden yang kehilangan arah di dalam makna seni dan tujuan seni sama seperti kehilangan arah bidang sains, bahasa, seni moden dan sejarah moden.

Kertas kerja ini mencadangkan tradisi hikmah dan intelektual memberi perhatian kepada genre-genre seni dan cara persembahannya serta tujuan dan matlamat yang ingin dicapainya. Semua ini menjelaskan mengapa lahir dan mengapa dipelihara tradisi seni Timur yang berbagai itu.

- Kertas kerja ini masih merupakan kertas kerja awal perbincangan yang akan diperincikan untuk tujuan penerbitan kertas kerja penuh nanti.